

10
7**MAJLIS BANDARAYA IPOH****ARAHAN KEWANGAN BIL. 01/2017**

Rujukan : Bil (7) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

13 Januari 2017

Setiausaha Bandaraya
Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

SILING TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA 2017

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa lanjutan daripada Pekeliling Kewangan Bil 4/2011 - Tatacara Tuntutan Elaun Lebih Masa Anggota Majlis Bandaraya Ipoh dan Penjimatan Bagi Tuntutan Elaun Lebih Masa bagi tahun 2016 serta setelah mengambilkira perbelanjaan sebenar tahun 2016 dan pergerakan gaji tahun 2017, pihak Majlis telah menetapkan Siling Tuntutan Elaun Lebih Masa bagi setiap jabatan untuk tahun 2017 adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Setiap Ketua Jabatan perlu memastikan tuntutan Elaun Lebih Masa jabatan masing-masing adalah terkawal dan mematuhi semua prosedur yang telah ditetapkan terutama dalam menentukan tuntutan yang dibuat tidak melebihi siling peruntukan yang telah diberikan.

4. Peruntukan tahunan yang diberikan kepada setiap jabatan adalah muktamad dan tambahan peruntukan hanya akan dipertimbangkan untuk tuntutan bulan Disember 2017 bagi keperluan mendesak sahaja. Bagi Jabatan yang menghadapi masalah peruntukan, perancangan perlu dibuat daripada peringkat awal supaya tuntutan Elaun Lebih Masa diganti dengan Cuti Rehat.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“CINTAILAH BANDARAYA IPOH”

(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh

Unit Belanja

“PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI”